

21/05/2000

Mahathir kenang jasa gurunya

Tajuddin Saman

ORANG Melayu amat menghormati guru. Guru dihormati kerana ilmunya. Daripada guru kita memperoleh pengetahuan yang mengasah akal untuk mengenal erti keburukan dan kebaikan dalam kehidupan. Melalui guru, kita mendapat ilmu yang menjadi bekalan hidup di dunia dan akhirat. Justeru, jasa dan bakti guru kepada setiap manusia tidak ternilai harganya.

Zaman silam, ada sultan memerintahkan utusannya memanggil seorang ulama untuk mengajar ilmu agama kepada baginda. Apabila utusan sultan menemuinya, ulama itu berkata: "Kalau mahu belajar, suruhlah baginda datang ke sini. Sepatutnya muridlah mencari guru, bukan guru mencari murid." Apabila perkhabaran itu disampaikan kepada sultan, baginda segera ke rumah ulama berkenaan untuk belajar. Kisah ini menunjukkan betapa guru amat dihormati sekalipun oleh seorang sultan.

Pada zaman moden ini, ada juga kisah bagaimana seorang pemimpin tertinggi negara dengan rombongan rasminya bergegas ke sebuah kampung terpencil di utara Semenanjung untuk menziarahi guru agamanya yang sedang tenat. Kisah itu berlaku di daerah Kubang Pasu pada awal 1996 bila seorang kanak-kanak berusia lapan tahun bernama Nurhani melangkah kakinya di celah orang ramai menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis sambutan Aidiladha di Dewan Jitra pada petang itu.

Ketika bersalaman dengan Dr Mahathir, murid darjah dua Sekolah Kebangsaan Sultan Ahmad Tajuddin, Jitra, Kedah itu memberitahu Perdana Menteri: "Guru Quran Dr Mahathir sakit kuat di Jerlun."

Perdana Menteri hanya tersenyum mendengar perkhabaran itu dan mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak itu.

Guru agama yang pernah mengajar al-Quran kepada Perdana Menteri ketika beliau kecil itu ialah Yahaya bin Noor. Gambar guru itu sekarang turut dipaparkan di Rumah Kelahiran Perdana Menteri yang dijadikan muzium di Seberang Perak, Alor Star, Kedah.

Tanpa diduga dalam kesibukan jadualnya, Dr Mahathir masih sanggup meluangkan masa untuk menziarahi guru al-Quran yang pernah mengajarnya berpuluh tahun lalu, di Jerlun. Sesudah melayan tetamu di Dewan Jitra hingga lewat petang itu, Dr Mahathir terus bergegas ke Jerlun untuk menziarahi gurunya.

Walaupun kunjungan itu tidak lama - mungkin 20 minit atau setengah jam - ia amat bermakna bukan saja kepada Dr Mahathir, tetapi menjadi iktibar kepada penduduk setempat betapa pemimpin tetap mengenang jasa gurunya. Kisah ini mungkin tidak diketahui ramai, tetapi ia tetap menjadi ingatan abadi kepada diri saya kerana pada petang itu saya berada di Dewan Jitra dan menyaksikan semua yang berlaku.

Begitu besar jasa guru. Setiap orang pasti mengenang jasa mereka sama seperti jasa ibu bapa kita sendiri. Jika ibu bapa menyempurnakan tugas mereka dengan memberi makan pakai dan tempat perlindungan kepada kita, guru pula menghulurkan ilmu sebagai bekalan hidup kita di dunia dan akhirat.

Saya sendiri pernah belajar daripada beberapa guru. Kebanyakan mereka tidak saja memberikan ilmu, tetapi ada yang turut bersimpati terhadap kesusahan hidup kita. Sebagai contoh, ketika saya terdampar di rantau orang sewaktu kecil dulu, seorang guru sebuah sekolah di Singapura, Cikgu Yusof Udin pernah memberikan bantuan kewangan kepada saya. Sekalipun saya pernah menolaknya, cikgu Yusof berkata: "Ambillah, saya beri dengan ikhlas."

Beberapa guru agama saya di kampung dulu meninggalkan jasa tidak ternilai harganya. Tok guru Haji Ma'aris misalnya pernah melarang pemergian saya ke Alor Star untuk melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris pada awal 60-an kerana ia dikatakan sekolah Kristian.

Walaupun larangannya tidak diikuti saudara mara saya yang terdekat, tetapi ia menunjukkan betapa `ikatan' kasih sayang seorang guru dengan murid tetap wujud.

Guru besar saya di sekolah kebangsaan dulu, cikgu Saad, pernah membelasah punggung saya dengan rotan sebesar ibu jari kerana melakukan beberapa kesalahan. Waktu itu saya begitu marah kerana dirotan, tetapi pada usia sekarang saya terfikir, kalau cikgu Saad tidak merotan saya dulu, mungkin sekarang saya tidak boleh menjadi seorang `manusia'.

Pada usia dewasa selanjutnya, saya menemui guru di sekolah kehidupan yang lebih terbuka. Antaranya ialah cikgu Shahrom Hussein, ahli sejarah tersohor dari Johor. Melaluinya saya belajar pelbagai falsafah hidup yang membimbing saya meneroka hari muka dengan lebih yakin.

Sebenarnya, setiap kita mempunyai cerita mengenai guru. Sudah tentu, kita semua amat menghormati guru masing-masing. Tiada guru di dunia ingin mengajar muridnya berlaku serong. Kalau ada yang berbuat demikian, itu bukan guru sejati tetapi dia sebenarnya insan tidak bertanggungjawab yang cuba mencemari profesion keguruan dan cuba mencemari pemikiran pelajar untuk kepentingan peribadi atau kumpulannya.

Guru zaman dulu yang melahirkan tokoh negara dan warga Malaysia yang bertanggungjawab pada masa itu tidak memiliki ijazah berjela, tetapi mereka mengisi akal dengan ilmu dan menggerakkan hidup dengan amal.

Tidak usah melihat terlalu jauh ke belakang, zaman 60-an saja misalnya masih wujud keakraban guru-pelajar. Guru zaman itu bukan saja mengajar ilmu di sekolah, tetapi mengambil berat hal ehwal muridnya hingga ke rumah masing-masing. Hampir semua guru zaman dulu prihatin dengan kehidupan muridnya. Apakah murid itu susah atau senang, makan atau tidak, sakit demam, semuanya diambil berat oleh guru.

Banyak guru zaman dulu menangis apabila mengetahui muridnya tidak dapat ke sekolah kerana ibu bapanya papa kedana. Mereka kemudian menawarkan `biasiswa' daripada poket sendiri untuk murid itu. Ada guru yang sebak dada bila mengetahui muridnya terpaksa ikut bapanya tinggal di atas bukit di tengah rimba kerana kemiskinan hidup. Guru itu kemudian membenarkan murid itu datang lewat ke sekolah, sekalipun jam 10 atau 11 pagi. Guru itu tidak memarahkan murid berkenaan kerana dia tahu murid perempuan malang itu tidak mungkin datang awal kerana terpaksa berjalan kaki dari tengah rimba belantara untuk ke sekolah setiap hari.

Sebaliknya, dengan keringat sendiri, guru itu memberikan ajaran tambahan kepada murid itu dengan harapan dia tidak berhenti sekolah. Biarlah dia datang lambat setiap hari asalkan dia tidak berhenti sekolah. Demikian segala macam pengorbanan guru dulu kepada murid zaman itu. Niat mereka suci demi kepentingan masa depan pendidikan murid.

Tidak pernah terlintas di fikiran guru zaman itu untuk mengajar sesuatu yang bertentangan dengan nilai budaya Melayu kepada muridnya. Budaya bangsa tetap dipelihara dan pada gurulah nilai murni yang ada dalam budaya kita itu mampu diperkasakan.

(END)